

D.R. 21/2005

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang ku untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2005.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2005

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan bilion satu ratus dua juta dua ratus enam puluh sembilan ribu sembilan ratus sembilan puluh dua ringgit (RM9,102,269,992) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2005 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2005 [*Akta A1230*].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>iaksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaan</i> (RM)
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	130,930,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	6,292,000,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	733,130,900
B. 26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	282,340,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	5,500,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	763,009,158
B. 42	Kementerian Kesihatan	524,000,000
B. 44	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	19,235,800
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	22,293,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	100,000,000
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	131,171,134
B. 62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	98,660,000
	JUMLAH	<hr/> 9,102,269,992 <hr/>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sembiian bilion satu ratus dua juta dua ratus enam puluh sembiian ribu sembiian ratus sembiian puluh dua ringgit (RM9,102,269,992) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2005.

[PN(U²)2206]